

MATLAMAT DAN HALATUJU SISTEM PENGAJIAN TAHFIZ DI KELANTAN; SATU PENGAMATAN AWAL

Dr. Noor Hisham Md Nawi
Dr. Nur Azuki Yusuff
Mohd Binyamin Che Yaacob
Nasrul Hakim Salleh

Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan
Email : hisham@umk.edu.my

Abstrak

Perkembangan terkini menunjukkan bahawa sekolah aliran menghafal al-Quran atau institusi maahad tahfiz mula mendapat perhatian istimewa dari masyarakat. Setiapnya menawarkan sistem dan pendekatan yang pelbagai dan tersendiri. Perkembangan dan kepelbagaian ini tentunya mempunyai kelebihan dan kelemahan serta memberi impak yang besar kepada generasi masa hadapan dan sistem pendidikan negara secara keseluruhan. Kajian ini menggunakan kaedah temuduga dengan pengasas dan pihak pengurusan tertinggi beberapa institusi maahad tahfiz terpilih di Kelantan serta penelitian terhadap dokumen penubuhan. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan kaedah dialektik untuk melihat secara mendalam matlamat dan halatuju sistem pengajian tahfiz di Kelantan. Dapatan awal menunjukkan bahawa matlamat dan halatuju pengajian maahad tahfiz di Kelantan tidak begitu jelas. Cita-cita besar yang dicituskan oleh pengasasnya tidak disusuli dengan suatu gagasan pemikiran yang jelas dan perancangan gerakkerja yang tersusun dan terancang. Keadaan ini memberi kesan yang jelas kepada aspek pelaksanaan. Institut ini juga tidak mempunyai sikap yang jelas terhadap ketidakneutralan ilmu sains moden masa kini.

Kata kunci : Sistem pengajian tahfiz, matlamat dan halatuju, pendidikan bersepadu, dan sains Islam

Pendahuluan

Minat masyarakat terhadap pendidikan agama sangat tinggi. Permintaan ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama melebihi dari tawaran dan kesanggupan pihak yang menyediakannya. Perkembangan terkini menunjukkan bahawa sekolah aliran menghafal al-Quran atau tahfiz al-Quran mula mendapat perhatian masyarakat. Maahad tahfiz tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Apa yang menarik ialah setiapnya menawarkan pendekatan dan rekabentuk kurikulum yang pelbagai dan tersendiri. Ada institusi yang menawarkan program hafazan al-Quran di peringkat Ijazah, diploma (selepas SPM), sekolah menengah, sekolah rendah, peringkat pra sekolah dan pusat jagaan kanak-kanak. Terdapat juga usaha secara persendirian yang dilakukan oleh ibubapa tertentu kepada anak masing-masing secara cuba jaya. Matlamat penubuhan dan kaedah pelaksanaan setiapnya berbeza-beza antara satu-sama lain. Sebahagian

daripadanya memberi penumpuan sepenuhnya kepada aspek hafazan al-Quran semamata-mata. Manakala sebahagiannya yang lain memberi perimbangan kepada beberapa komponen lain dengan kadar yang berbeza-beza selain daripada hafazan al-Quran seperti pengajian akademik (yang ditawarkan oleh sekolah aliran perdana), pengajian kitab kuning (turath) dalam bahasa Arab di pondok-pondok, aliran sains, kemahiran-kemahiran tertentu (seperti vokasional) dan lain-lain.

Kepelbagaian ini diandaikan mempunyai justifikasi, matlamat dan halatuju yang berbeza antara pelbagai pihak yang terlibat. Pertama, pihak ibubapa tentunya mempunyai matlamat dan justifikasi yang tersendiri mengenai pemilihan tempat dan jenis maahad tahfiz tersebut. Demikian juga pihak individu atau organisasi yang menubuhkan institusi tahfiz al-Quran tersebut tentunya mempunyai matlamat dan objektif yang tersendiri. Perkara yang sama juga berlaku di peringkat kerajaan negeri atau kerajaan pusat yang turut menawarkan sistem pengajian aliran tahfiz al-Quran. Harapan dan matlamat antara ketiga-tiga pihak tersebut mungkin seiringan antara satu sama lain dan mungkin juga berbeza atau bertentangan antara satu sama lain. Seseengah pihak mungkin mahukan matlamatkan akhir pengajian tersebut ialah untuk melahirkan golongan ulama pewaris nabi seperti imam al-Syafie (tokoh lampau) atau Dr.Yusuf al-Qaradhawi (tokoh kontemporari). Pihak lain mungkin lebih berminat untuk melahirkan sekelompok cendekiawan muslim yang hebat seperti Ibnu Sina atau al-Khawarizmi dan seumpamanya. Pihak yang lain pula mungkin lebih realistik dengan mengharapkan akan lahirnya sejumlah golongan profesional yang menghafal al-Quran atau sebahagiannya dan berkeperibadian tinggi atau sekadar seorang muslim yang baik dalam erti kata tidak menyusahkan masyarakat meskipun tidak memberi sumbangan yang bermakna kepadanya. Perkembangan dan kepelbagaian ini adalah sesuatu yang amat menarik untuk dikaji kerana impaknya kepada generasi masa hadapan adalah besar.

Permasalahan Kajian

Kepelbagaian aliran pemikiran, orientasi, bentuk, halatuju, matlamat dan objektif serta sistem pengajian maahad tahfiz adalah sesuatu yang sangat mendesak untuk difikirkan secara serius kerana ia memberi implikasi yang besar kepada sistem pendidikan secara keseluruhan. Terdapat banyak persoalan yang boleh dibangkitkan. Walau bagaimanapun penulisan ini hanya memberi penumpuan kepada aspek matlamat dan halatuju pengajian tahfiz di Kelantan. Menekuni krisis pendidikan umat Islam masa kini, apakah matlamat utama institusi pengajian tahfiz di Kelantan? Adakah matlamat pengajian tahfiz pada masa kini mengambil kira keperluan dan tuntutan semasa yang diperlukan oleh masyarakat Islam? Matlamat manakah yang lebih diutamakan untuk dicapai samada untuk melahirkan ulama huffaz yang celik sains atau profesional huffaz yang menghayati agama atau gabungan kedua-duanya ? Ringkasnya apakah matlamat dan halatuju sebenar pengajian tahfiz al-Quran di Kelantan dalam konteks keperluan dan tuntutan sebenar umat Islam. Adakah kepelbagaian sistem yang digunakan kini berupaya mendekatkan dikotomi antara ulama dan profesional atau antara ulama dan umara ? Dan adakah matlamat institusi pengajian tahfiz di Kelantan menepati kehendak sebenar falsafah pendidikan negeri dan konsep pendidikan Islam ?

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui matlamat dan halatuju pengajian tahfiz di Kelantan dan membandingkannya dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Negeri serta keselarasannya dengan tuntutan perkembangan zaman. Institusi tahfiz yang berkualiti seharusnya memenuhi beberapa ciri utama iaitu membina potensi pelajar secara seimbang, bersepadu dan menyeluruh, inovatif dan kreatif, mengambil kira tuntutan zaman dan perkembangan semasa serta berpaksikan prinsip tauhid. Secara khusus, kajian ini ingin mencapai objektif berikut:

1. Apakah matlamat institusi pengajian tahfiz terpilih di negeri Kelantan?
2. Apakah halatuju pengajian tahfiz di negeri Kelantan?
3. Setakat manakah matlamat dan halatuju sistem pengajian tahfiz memenuhi tuntutan Falsafah Pendidikan Negeri dalam konteks melaksanakan pendidikan bersepadu yang berupaya mendekatkan dikotomi antara ulama dan profesional atau antara ulama dan umara ?

Metodologi Penyelidikan

Kajian ini menggunakan kaedah interview dan penelitian dokumen yang berkaitan untuk mendapatkan data. Data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan kaedah inkuiri falsafah. Inkuiri falsafah dalam pendidikan bermaksud mengkaji perkara-perkara asas dan prinsip-prinsip yang digunakan dalam pendidikan. Pandey (1993) menyenaraikan tiga perkara yang dikaji dalam falsafah pendidikan iaitu pertama, menyelidik tujuan pendidikan, kurikulum, kaedah dan strategi pengajaran guru. Kedua, menyelidik konsep-konsep yang digunakan dalam pendidikan, kejelasan dan kesesuaian konsep serta mencadangkan tindakan susulan yang perlu diambil. Ketiga, menguji pendekatan teori yang digunakan dalam pendidikan. Menurut Phonix (dalam Short 1991), asas kepada proses kaedah inkuiri falsafah atau dialektik ialah analisis, sintesis dan kritis. Dalam kajian ini, penumpuan akan diberikan secara khusus kepada aspek matlamat dan halatuju pendidikan serta hubungannya antara keduanya dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Negeri (Yayasan Islam Kelantan) dalam konteks pelaksanaan pendidikan bersepadu.

Hukum Dan Kelebihan Menghafaz al-Quran

Al-Quran yang terdiri daripada 114 surah dan 30 juzuk merupakan satu-satunya kitab suci yang boleh dihafaz secara keseluruhan. Ini adalah suatu kelebihan kepada umat baginda Rasulullah S.A.W. Penghafazan al-Quran adalah rahmat daripada Allah S.W.T. Allah S.W.T. menyifatkan penghafaz al-Quran sebagai hamba-hamba pilihannya. Hal ini dinyatakan menerusi firman Allah yang bermaksud :

“Dan apa yang telah Kami wahyukan kepada mu iaitu al-Kitab (al-Quran) itulah yang benar, dengan membenarkan kitab-kitab yang sebelumnya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Mengetahui lagi Maha Melihat (keadaan) hamba-hambanya. Kemudian Kitab itu Kami wariskan kepada orang-orang yang kami pilih di antara hamba-hamba Kami, lalu di antara mereka ada yang menganiaya diri mereka sendiri

dan di antara mereka ada yang pertengahan dan di antara mereka ada (pula) yang lebih dahulu berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu adalah kurnia yang amat besar.”(Fatir:31-32)

Berdasarkan nas-nas al-Quran dan sunnah, tidak ada satu pun isyarat yang menyatakan bahawa menghafaz al-Quran itu hukumnya wajib. Oleh yang demikian, menghafaz al-Quran bukanlah sesuatu yang wajib ke atas setiap muslim. Walau bagaimanapun, Islam sangat menggalakkan umatnya menghafaz al-Quran. Mereka yang menghafaz al-Quran akan dikurniakan dengan pelbagai kelebihan. Menurut Ismail Masyhuri al-Hafiz (1993: 87-90), di antara kelebihan yang diperolehi oleh penghafaz al-Quran adalah perlindungan dari Allah S.W.T, menjadi umat Nabi Muhammad yang mulia, tidak merasa takut pada hari kiamat dan doanya akan dimakbulkan oleh Allah. Selain itu, mereka juga adalah pihak yang paling layak menjadi imam dan diberi kelebihan pada hari akhirat kelak untuk memberikan syafaat kepada sepuluh orang dari ahli keluarganya. Mereka juga akan diberikan kelebihan sebagai pemimpin kepada ahli-ahli syurga dan ditempatkan bersama malaikat serta diangkat darjatnya di syurga kelak. Memandangkan betapa pentingnya menghafaz al-Quran bagi menjaga keaslian dan kesuciannya, maka ulama telah bersepakat bahawa menghafaz al-Quran itu hukumnya fardu kifayah. Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillah al-Zarkasyi (1981) menyatakan: *“Mempelajari al-Quran hukumnya adalah fardu kifayah, demikian juga memeliharanya (iaitu menghafaznya). Maka ia juga wajib (kifayah) bagi setiap umat.”* Ringkasnya, umat Islam memerlukan sejumlah para *huffaz* untuk menjaga keaslian dan kesucian al-Quran.

Sejarah Perkembangan Hafazan Al-Quran

Maahad Tahfiz atau lebih dikenali dengan Tahfiz al-Quran merupakan sebuah pusat pengajian al-Quran yang dikendalikan di bawah Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. Maahad tahfiz yang pertama adalah Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat atas saranan Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Ia ditubuhkan pada tahun 1966 dan mula beroperasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur. Maahad Tahfiz tersebut kemudiannya diletakkan di bawah cawangan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH). (Afaf Abdul Ghafor Hameed et.al. 2003). Idea untuk menubuhkan Maahad Tahfiz ini timbul hasil daripada Ujian Tilawatul Qur'an Peringkat Kebangsaan Kali Pertama pada tahun 1960. Hasrat murni ini dinyatakan dalam majlis perasmian Masjid Negara pada tahun 1965 yang turut dihadiri oleh Sheikul Azhar, Allahyarham Sheikh Mahmud Syaltut (Fauziah Mohd Noor, 1993). Pengajian pada peringkat awal ini tamat pada 11 April 1968 di mana para lulusan kelas pengajian al-Quran pertama berjaya menyambung pengajian ke pusat pengajian al-Quran di Republik Arab Bersatu dalam bidang al-Quran. Sejak ditubuhkan pada tahun 1966, Maahad Tahfiz ini telah mencatatkan perkembangan yang baik dalam pelbagai aspek seperti peningkatan jumlah pelajar, corak pengajaran dan pembelajaran, prospek kerjaya yang cerah bagi pelajar lulusan Maahad Tahfiz.

Selepas Maahad Tahfiz di Masjid Negara ditubuhkan, setiap negeri membuka maahad tahfiz masing-masing. Penubuhan maahad tahfiz negeri di Malaysia bermula di

negeri Kelantan pada 1979. Pada tahun 1980-an, Terengganu, Perak, Kedah, Perlis dan Selangor telah menubuhkan Maahad Tahfiz Negeri. Seterusnya pada awal 1990-an, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Sabah turut mempunyai Maahad Tahfiz Negeri. Pada ketika ini seluruh negeri di Malaysia mempunyai Maahad Tahfiz dan yang paling akhir ditubuhkan ialah pada tahun 1996 iaitu Maahad Tahfiz Negeri Johor dan Pulau Pinang. Penubuhan maahad tahfiz di bawah kerajaan Negeri di seluruh Negara menggunakan sukatan pelajaran Maahad Tahfiz Darul Quran, JAKIM. Pada tahun 1983, sijil yang dikeluarkannya diiktiraf setaraf dengan Diploma ITM (sekarang dikenali dengan nama UiTM) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Diploma tersebut diiktiraf oleh universiti dalam negara seperti UM, UKM, UIAM dan KUIM. (JAKIM, 2002). Dengan pengiktirafan tersebut, ramai pelajar lepasan Maahad Tahfiz JAKIM telah menyambung pelajaran ke peringkat sarjana muda dalam negara. Terdapat juga para pelajar yang menyambung pengajian ke peringkat sarjana selepas selesai pengajian mereka di peringkat sarjana muda.

Selain daripada maahad tahfiz yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, terdapat juga maahad tahfiz yang ditubuhkan secara persendirian atau swasta. Maahad tahfiz swasta pertama ditubuhkan ialah Raudhatul Tahfiz al-Quran yang kemudiannya dikenali sebagai Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat yang terletak di Pusat Dakwah Islamiah, Jeram, Selangor. Maahad Tahfiz tersebut diasaskan oleh Ustaz Haji Nasoha bin Ahmad pada Januari 1981. Maahad tahfiz yang kedua tertua pula ialah Madrasatul Quran Kubang Bujok yang didirikan pada 1 Oktober 1982 di Kubang Bujok, Serada, Kuala Terengganu oleh Tuan Haji Muda bin Haji Deraman (Mohd Noh Supardan 2005). Penubuhannya adalah hasil dari cetusan *ijtimak* Tabligh Sedunia yang diadakan pada bulan November 1982 di Padang Hiliran. Sejak ditubuhkan hingga kini, madrasah tersebut telah melahirkan lebih daripada dua ribu para *huffaz*. Madrasah ini menggunakan kaedah tradisional yang diambil dari India dan Pakistan dengan beberapa pengubahsuaian untuk memenuhi keperluan tempatan. Selepas itu, banyak maahad tahfiz swasta mula didirikan di serata tanah air. Sebahagian daripadanya berdaftar dengan Majlis Agama Islam negeri masing-masing dan sebahagiannya tidak. Sebahagian masih kekal wujud dan sebahagiannya telahpun menghentikan operasinya. Di samping menggunakan pendekatan dan kaedah tradisional seperti di Madrasatul Quran Kubang Bujok sebelumnya, terdapat maahad tahfiz swasta yang menggunakan kaedah moden seperti Institut al-Quran Kuala Lumpur.

Melihat perkembangan maahad tahfiz swasta di peringkat sekolah menengah mendapat sambutan masyarakat, pihak kerajaan mula mengambil inisiatif untuk membangunkan pusat pengajian tahfiz secara sistematik di peringkat tersebut. Antara inisiatif awal ialah penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat (MTAQ) pada tahun 1992 oleh Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pengelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK). Ia adalah hasil cetusan Y.A.B Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat setelah menerajui Kelantan sebagai Menteri Besar pada tahun 1990. Kemudian Yayasan Islam Kelantan (YIK) mengorak langkah baru dengan menubuhkan Maahad Tahfiz Sains pada tahun 2004 yang juga hasil dari cadangan Menteri Besar Kelantan dengan hasrat untuk menyepadukan ilmu wahyu dengan ilmu waqif'e. Maahad Tahfiz Sains yang pertama ialah Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah dengan pengambilan pelajar

pertamanya seramai 120 orang. Langkah tersebut kemudiannya diikuti oleh Kerajaan Negeri lain seperti penubuhan Sekolah Menengah IMTIAZ di Terengganu, Sekolah Integrasi Maahad Tahfiz Sains Bandar Istana Selangor (2008), Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN) dan Maahad Tahfiz Pahang (1996). Pihak MARA turut mengambil langkah yang sama dengan memperkenalkan Maktab Rendah Sains MARA Tahfiz di Besut Terengganu.

Keghairahan masyarakat terhadap hafazan al-Quran telah melahirkan banyak sekolah rendah yang turut memasukkan komponen hafazan secara tersusun dalam kurikulum pendidikannya. Setiap sekolah mempunyai sistem yang berbeza-beza dengan skop liputan hafazan yang pelbagai. Sebagai contoh, Sekolah Rendah Islam al-Qiblat mewajibkan setiap pelajarinya menghafaz ayat dan surah-surah tertentu iaitu juzuk 30, juzuk pertama 1 – 100 ayat, surah al-Sajdah, Yasin, al-Mulk dan al-Dukhan. Satu perkembangan yang menarik ialah wujudnya sekolah rendah tahfiz iaitu Sekolah Rendah Agama Tahfiz al-Islah, Kg. Tok Pedu, Tasik Gelugor, Pulau Pinang yang menawarkan kurikulum hafazan al-Quran yang sistematik di peringkat tersebut. Selain itu, terdapat ibubapa tertentu yang mengambil inisiatif peribadi dengan menggunakan pendekatan dan kaedah hafazan yang tersendiri untuk anak masing-masing seperti kejayaan Encik Mohd Zahib mendidik anaknya iaitu Muhammad menjadi seorang hafiz al-Quran semasa berumur 10 tahun. Perkembangan hafazan al-Quran di Malaysia sangat menarik untuk dikaji dalam usaha menjadikan sistem pengajian hafazan al-Quran lebih tersusun dan sistematik demi untuk kebaikan umat Islam secara keseluruhannya.

Kepelbagaian Sistem Pendidikan Tahfiz al-Quran

Perkembangan hafazan al-Quran di Malaysia sangat pesat. Kesedaran masyarakat untuk kembali kepada penghayatan ajaran agama semakin tinggi. Permintaan ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama dan tahfiz al-Quran melebihi penawaran. Justeru, pusat-pusat pengajian tahfiz atau maahad tahfiz tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Sebahagian daripadanya dikendalikan oleh pihak kerajaan atau badan tertentu dan sebahagiannya diuruskan oleh pihak swasta atau persendirian secara kecil-kecilan. Oleh sebab itu, sebahagian daripadanya kelihatan sistematik dan mempunyai kurikulum yang jelas dan sebahagiannya pula sangat daif. Kesemua institusi tahfiz ini menawarkan sistem pendidikan yang tersendiri dengan kurikulum yang pelbagai. Kepelbagaian sistem dan kurikulum tersebut boleh dibahagikan kepada tiga aspek besar iaitu :

- a) Tahap pendidikan
 - i. Tahap Kanak-kanak (Sekolah Rendah)
 - ii. Tahap Remaja (Sekolah Menengah)
 - iii. Tahap Pra-Dewasa (Pengajian Tinggi)
- b) Pendekatan dan Kaedah
 - i. Tradisional
 - ii. Moden
- c) Aliran & Orientasi
 - i. Sains

- ii. Agama
- iii. Qiraat
- iv. Kemahiran Vokasional
- d) Pentadbiran dan Pengurusan Kewangan
 - i. Kerajaan
 - ii. Swasta

Setiap aspek ini memberi impak yang tersendiri terhadap sistem pendidikannya meliputi falsafah dan matlamat, halatuju dan objektif, kandungan dan pengalaman pembelajaran, pendekatan dan olahan penyusunan, penilaian dan pengiktirafan, pengurusan dan pentadbiran, prasarana dan lokasi serta syarat kemasukan pelajar serta kualiti graduan. Setakat ini tidak banyak kajian yang dilakukan terhadap maahad tahfiz di Kelantan dengan memberi penumpuan kepada aspek sistem dan halatuju pengajiannya. Kebanyakan kajian yang dilakukan banyak tertumpu kepada pengkaedahan hafazan dan sistem pentadbirannya seperti kajian Badarudin Taraji (1998), Mohd Fazri Ahmad Murad (1999), Fatin Faqieriah Hamsah et al. (2003) dan Abdul Hafiz Abdullah (2003 & 2005).

Matlamat Utama Pengajian Tahfiz

Matlamat utama pengajian tahfiz adalah melahirkan para huffaz yang berketerampilan dalam semua bidang atau melahirkan para huffaz yang mahir isi al-Quran, berilmu, beramal, bertakwa dan cekap tentang ilmu al-Quran serta dapat merealisasikannya dalam masyarakat (Muhammad Ismail 2004). Walaupun terdapat banyak pusat tahfiz di negara ini, tetapi semuanya mempunyai satu objektif dan matlamat yang sama iaitu untuk memelihara kesucian 30 juzuk al-Quran dan melahirkan para huffaz yang mempunyai kualiti hafazan yang mantap dan lancar. Menurut Azmil Hasyim (2013), kewujudan institusi tahfiz al-Quran di seluruh negara bukan sahaja berperanan melahirkan golongan penghafaz al-Quran semata-mata, bahkan turut dilihat sebagai pemangkin ke arah melahirkan golongan profesional yang telah ditunjangkan jiwanya dengan al-Quran di samping mewujudkan sistem hafazan dan pengajian al-Quran yang bersistematik dan efisien.

Menghafaz al-Quran merupakan satu usaha untuk mencegah terputusnya jumlah kemutawatiran al-Quran dan juga mengelak dari sebarang usaha untuk menyeleweng dan memalsukan al-Quran (Al-Suyuti 1987). Allah telah memuji dan menyanjung tinggi individu-individu yang menghafaz al-Quran dengan memberi penghormatan dan gelaran yang mulia seperti pilihan Allah (Fathir 35:32), orang yang telah diberi ilmu (al-Ankabut 29:45) dan penjaga keaslian al-Quran (al-Hijr 15: 9). Semua pelajar muslim perlu menghafaz al-Quran mengikut kemampuan masing-masing kerana ia mempengaruhi keperibadian seseorang muslim sebagaimana Hadith Rasulullah saw : *“Seseorang yang tiada sebahagian al-Quran dalam hatinya adalah seumpama rumah yang ditinggal kosong”*. Menghafaz al-Quran adalah suatu keperluan kepada umat Islam sepanjang zaman untuk melahirkan insan rabbani dalam kalangan masyarakat meskipun hanya diwakili oleh seseorang individu muslim.

Pengajian Tahfiz dan Pendidikan Bersepadu

Antara cabaran terbesar dari dahulu hingga sekarang (khususnya tiga abad terakhir) kepada sistem pendidikan umat Islam ialah faham sekularisme dan dualisme yang meresap masuk ke dalam bidang pendidikan. Umat Islam sekarang sedang mengotakkan kehidupan dan pendidikan mereka kepada dua aliran terpisah yang tidak sepatutnya berlaku iaitu kotak agama dan kotak kehidupan. Antara kesan negatif dari fenomena ini ialah lahirnya pemisahan antara golongan ulama dan profesional dan antara ulama dan umarak. Di samping itu, pendirian umat Islam terhadap isu ketidakneutralan ilmu sains moden juga menjadi perbincangan hangat di kalangan para sarjana Islam kontemporari. Untuk mengatasi krisis tersebut, cendekiawan Islam telah memperkenalkan gagasan pendidikan bersepadu untuk mengembalikan semula sistem pendidikan Islam ke landasannya yang asal.

Meskipun terdapat pelbagai bentuk dan ragam makna pendidikan bersepadu, akhirnya kesepaduan tersebut kembali kepada dua entiti yang paling asas iaitu kesepaduan manusia dan kesepaduan ilmu. Kesepaduan ilmu adalah teras kepada pendidikan bersepadu untuk menghasilkan insan yang bersepadu atau insan salih. Kesepaduan ilmu yang dimaksudkan adalah merujuk kepada integrasi antara ilmu naqli dan aqli atau ilmu wahyu dan pemerolehan atau ilmu *fardhu ain* dan *fardhu kifayah*. Walaupun setiapnya kelihatan hampir sama, konsep integrasi yang paling tepat ialah integrasi antara ilmu *fardhu ain* dan *fardhu kifayah* (Hassan Langgulung 1995; Mohd Syukri Salleh 1984, al-Attas 1978). Ilmu *fardhu ain* adalah ilmu teras agama yang mengandungi kebenaran mutlak, disampaikan melalui perantaraan wahyu, mengisi keperluan rohani manusia, mengandungi panduan-panduan yang bersifat abadi dan diwajibkan ke atas setiap orang untuk mengetahui dan mempelajarinya. Manakala ilmu *fardhu kifayah* pula memenuhi keperluan intelek dan emosi serta berkaitan dengan kehidupan dan kemakmuran dunia. Setiap bahagian tersebut mempunyai fungsi-fungsinya yang tersendiri dan perlu diletakkan di tempatnya yang betul. Justeru, pendidikan bersepadu menurut perspektif Islam bukan sekadar memasukkan semua jenis ilmu pengetahuan dalam satu bekas yang sama tanpa sebarang hierarki dan fungsinya yang tertentu. Pendidikan bersepadu yang dimaksudkan ialah satu sistem pendidikan yang mengandungi semua aspek atau komponen yang diperlukan menurut kadarnya tertentu, diletakkan setiapnya mengikut kategori dan hierarkinya yang wajar, disepadukan kesemuanya dalam keadaan saling kait-mengait, dimurnikan segala kecelaruan yang wujud pada 'topeng-topeng ilmu' dan kesemua proses tersebut berpaksikan prinsip tauhid. Proses kesepaduan tersebut bukanlah sesuatu yang dapat dilakukan dengan mudah kerana ilmu sains moden yang berkembang pada masa kini bersifat eurosentrik. Dalam mendepani isu ini, setakat mana maahad tahfiz yang dibangunkan di negeri Kelantan bertindakbalas terhadap isu ini? Berdasarkan kepada pernyataan misi penubuhan Maahad Tahfiz Sains (MTS), institusi tersebut secara jelas ingin menyatakan hasratnya untuk melahirkan para huffaz yang menghayati isi kandungan al-Quran, menguasai ilmu waqie dan syarie serta memiliki sahsiah terpuji di samping mempunyai kecerdasan mental dan fizikal. Bolehkah institusi ini dijadikan model rujukan terbaik untuk menghapuskan dikotomi antara ulama dan profesional atau ulama dan umarak?

Dapatan

Tiga institusi maahad tahfiz utama di Kelantan yang mewakili kepelbagaian aspek telah dipilih untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Institusi-institusi tersebut ialah Maahad Tahfiz Al-Quran Dan Qiraat (MTAQ), Maahad Tahfiz Sains (MTS) dan Maahad Tahfiz al-Ikhlas (MTI). Berdasarkan kepada dokumen penubuhan dan wawancara dengan pihak pengasas serta pentadbiran tertinggi institusi-institusi berkenaan, beberapa isu menarik dibangkitkan dalam usaha merumuskan matlamat dan halatuju maahad tahfiz di Kelantan.

1. Maahad Tahfiz Al-Quran Dan Qiraat (MTAQ)

Pencetus atas penubuhannya adalah Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, mantan Menteri Besar Kelantan. Hasrat asal beliau adalah untuk melahirkan ulama' dan profesional yang menghafaz al-Quran. Falsafah penubuhan MTAQ adalah berdasarkan falsafah Yayasan Islam Kelantan iaitu :

Pendidikan Islam sebagai yang diterangkan pengertiannya dalam istilah-istilah ta'dib, irsyad dan tadrīs adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu muslim sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya di bumi secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, aqliah, emosi, aqidah dan jasmani berdasarkan kepada ajaran Islam.

Objektif penubuhan MTAQ adalah untuk melahirkan ulama hafiz yang mempunyai ciri-ciri berikut :

1. Mampu memahami isi kandungan al-Quran dan menjadi rujukan masyarakat.
2. Memelihara isi kandungan al-Quran dan keaslian bacaannya dari sebarang penyelewengan.
3. Mempunyai ilmu pengetahuan, beramal soleh, bertakwa kepada Allah s.w.t. dan berakhlak mulia.

Objektif ini dirumuskan melalui misi penubuhannya iaitu melahirkan huffaz yang mahir ilmu-ilmu al-Quran, beramal, bertakwa serta dapat merealisasikan dalam masyarakat. Secara keseluruhan fokus MTAQ adalah melahirkan para huffaz. Berdasarkan hasrat asal tersebut, kurikulum MTAQ digubal secara khusus untuk memenuhi cita-cita tersebut. Kurikulum MTAQ terhasil dari gabungan beberapa model pengajian tahfiz di beberapa buah negara seperti Mesir, Indonesia, Malaysia (Jakim) dan Madinah. Orientasi model kurikulumnya banyak mencontohi Maahad Syubra di Mesir kerana pengiktirafan dunia terhadapnya sebagai pusat kajian al-Quran yang terbaik. MTAQ menawarkan kurikulum hafazan al-Quran, qiraat, dan KBSM termasuklah matapelajaran matematik tambahan. Subjek ini sengaja dimasukkan untuk membolehkan pelajar menyambung pengajian dalam bidang kejuruteraan, senibina, perakaunan dan lain-lain. Ini bermakna pelajar MTAQ yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang professional turut mempunyai peluang yang sama. Ini bermakna, penubuhan MTAQ bukan terhad untuk melahirkan ulama semata-mata bahkan juga para profesional yang menjiwai al-Quran. Menurut pengetua pertama, hafazan al-Quran sewajarnya disusuli dengan pengajian ilmu qiraat untuk melengkapkan ilmu hafalan tersebut. Menurutnya lagi, MTAQ adalah model terbaik untuk melahirkan ulama atau profesional yang menghayati al-Quran. Tokoh yang sering dijadikan contoh teladan di MTAQ adalah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat iaitu mantan Menteri Besar Kelantan.

2. Maahad Tahfiz Sains (MTS)

Sebagaimana sebelumnya. Maahad Tahfiz Sains (MTS) adalah juga cetusan dari Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat semasa beliau menjadi Menteri Besar Kelantan. Beliau berhasrat untuk melahirkan profesional mukmin yang berketrampilan dan menghafaz serta menghayati Al-Quran (saintis berjiwa Islam). Beliau juga ingin mengubah kefahaman masyarakat yang silap mengenai sains yang dikatakan tidak Islam. Ringkasnya beliau ingin menyepadukan sains dengan Islam. Falsafah penubuhan MTS juga berdasarkan falsafah pendidikan YIK. Manakala antara objektif penubuhannya adalah untuk melahirkan :

1. Saintis dan profesional al-Quran yang menghafaz al-Quran dan menghayati kandungannya.
2. Generasi al-Quran yang mampu menghayati dan menghafal al-Quran, menguasai ilmu waqie dan syarie serta memiliki sahsiah terpuji di samping mempunyai kecerdasan mental dan fizikal.

Pengajian di MTS adalah selama lima tahun. Ia menggunakan tiga kurikulum utama iaitu Kurikulum Tahfiz al-Quran, Pengajian Agama dan Bahasa Arab serta KBSM. Fokus utama MTS adalah untuk melahirkan profesional mukmin. Justeru, penumpuannya adalah kepada kesepaduan antara ilmu-ilmu syarie (agama) dengan ilmu waqie (KBSM) seperti matapelajaran fizik, biologi dan dan lain-lain. Menurut pengetua pertama, pelaksanaan kesepaduan masih lemah dan belum mencapai objektif. Setakat ini MTS tidak mempunyai modul atau model tertentu untuk menyepadukan ilmu syarie (al-Quran) dan waqie (sains). Antara permasalahan utama ialah kelemahan guru yang tidak mampu untuk menyepadukan antara keduanya. Kini penekanan pihak sekolah adalah kepada hafazan al-Quran berbanding dengan pengajian sains. Sukar untuk menjadi guru yang menguasai kedua-dua bidang ilmu tersebut. Pihak sekolah mengharapkan agar pelajar MTS yang telah berjaya agar kembali semula ke MTS untuk membantu pihak sekolah. Menurutnya pendidikan bersepadu belum berlaku sepenuhnya. Apa yang berlaku hanyalah pengajian yang berjalan secara serentak. Tokoh-tokoh Islam terdahulu seperti al-Khawarizmi, Ibnu Hayyan, al-Farabi sering dijadikan model oleh pihak sekolah. Manakala tokoh-tokoh moden pula ialah Tok Guru Nik Aziz Nik Mat dan Dr. Daniel.

3. Maahad Tahfiz al-Ikhlas (MTI)

Ia adalah institusi pengajian persendirian yang ditubuhkan di atas tanah waqaf atas kesedaran untuk mengembangkan ilmu agama khususnya al-Quran. Institusi ini tidak berdaftar dengan pihak kerajaan negeri (Majlis Agama Islam Kelantan) tetapi berdaftar dengan pertubuhan PERMATA negeri. Tiada falsafah atau matlamat atau objektif penubuhan secara tersurat. Melalui wawancara dengan pengasas dan pentadbirnya, objektif penubuhan institusi adalah untuk melahirkan insan soleh yang menguasai ilmu asas agama (fardhu ain), celik al-Quran dan para huffaz yang menjadikan al-Quran sebagai teras kehidupan sebelum menyambung pengajian di tempat lain atau mencari pekerjaan di luar sana. Tiada syarat khusus dikenakan kepada pelajar. Misi institusi ini secara tersirat ialah menunaikan fardhu kifayah untuk melahirkan para huffaz. Di

samping itu, institusi ini juga berperanan untuk melahirkan masyarakat yang soleh, boleh membaca dan menghayati al-Quran seterusnya melahirkan ulama Islam. Ramai ibubapa yang menghantar anak-anak yang menghadapi masalah akhlak dan disiplin di sekolah. Pihak pengasas bersikap realistik dengan para pelajar. Beliau tidak meletakkan harapan yang tinggi kepada setiap pelajar untuk menjadi seorang hafiz tetapi mendidik mereka agar menghayati agama dan menjadi insan yang taat pada Allah. Institusi ini menggunakan sistem pengajian tradisional (kaedah Pakistan) dengan memberi penumpuan kepada hafazan al-Quran semata-mata secara sepenuh masa. Tiada sebarang dokumen dan tiada peperiksaan secara formal kecuali tasmi hafalan. Di samping itu pelajar juga mempelajari ilmu fardhu ain tanpa kitab yang khusus. Model rujukan dalam pendidikan di insitusi ini ialah Rasulullah S.A.W dan para sahabat. Ulama'-ulama' sekarang tidak dijadikan contoh utama kerana pandangan masyarakat yang pelbagai terhadap mereka.

Perbincangan

Dari segi falsafah, tujuan terakhir pendidikan adalah untuk melahirkan individu muslim yang seimbang, menyeluruh dan bersepadu berdasarkan ajaran Islam sesuai dengan misi penciptaannya sebagai hamba dan khalifah di muka bumi. Salah satu ciri yang penting untuk mencapai falsafah tersebut ialah menghafaz al-Quran yang menjadi sumber rujukan tertinggi bagi umat Islam. Untuk melahirkan para huffaz secara sistematik, institusi yang sesuai ditubuhkan. Berdasarkan data yang diterima, ada dua kategori penting yang perlu dibezakan iaitu objektif untuk melahirkan insan salih secara minimum dengan menguasai ilmu-ilmu asas agama dan cita-cita melahirkan para ulama dan profesional yang menghafaz al-Quran. Kategori pertama meliputi semua individu muslim manakala kategori kedua adalah individu terpilih dan berkebolehan. Kategori pertama banyak dilaksanakan oleh maahad tahfiz persendirian yang menerima semua pelajar tanpa syarat-syarat yang ketat. Mereka lebih menumpukan kepada ajaran asas agama dan hafazan semata-mata. Dengan persekitaran yang tersendiri (iklim dini), pelajar dididik supaya mempelajari dan menghayati agama serta menghafaz mengikut kemampuan masing-masing. Tiada tekanan diberikan kepada pelajar. Mereka hanya fokus kepada hafazan dan asas agama. Tiada bekalan lain kepada pelajar seperti subjek-subjek akademik yang ditawarkan oleh KBSM dengan pelbagai aliran atau qiraat atau pengajian agama atau bahasa Arab. Antara kelebihan institusi ini ialah penguasaan ilmu fardhu ain dan hafazan al-Quran (fardhu kifayah). Institusi ini tidak menyediakan kelengkapan lain dari aspek fardhu kifayah untuk menjadi khalifah yang berkesan seperti ilmu aqli, kemahiran Bahasa Arab dan Qiraat untuk memahami hafazan al-Quran dan kemahiran kehidupan. Ini bermakna pelajar tersebut perlu meneruskan perjalanan pengajian dan kehidupannya di tempat yang lain dan menggunakan bekalan yang telah dipersiapkan.

Kategori kedua lebih bersifat mengkhusus di mana pihak kerajaan telah mengambil inisiatif untuk melahirkan sekelompok manusia yang mempunyai peranan yang besar dalam masyarakat iaitu para ulama dan profesional. Dalam tradisi Islam, ciri-ciri yang ada pada ulama, professional dan umarak berada pada diri seseorang muslim yang layak dan berkebolehan. Tokoh-tokoh seperti Umar al-Khattab terangkum padanya

semua ciri-ciri tersebut. Walau bagaimanapun akibat dari penjajahan yang lama, tradisi tersebut diganti dengan fahan dualisme dan sekularisme yang memisahkan. Untuk mengembalikan semula umat Islam pada tradisi yang asal bukanlah perkara mudah. Untuk itu kerajaan telah membuat penkhususan untuk melahirkan insan bersepadu dengan menggabungkan semula pengajian agama dan sains moden dan dikukuhkan lagi dengan hafazan al-Quran. Kewujudan MTAQ dan MTS seolah-olah menggambarkan penkhususan tersebut di mana MTAQ diharapkan akan melahirkan para ulama huffaz dan MTS akan melahirkan professional huffaz. Walau bagaimanapun, pelajar tetap berpeluang untuk memilih di sebaliknya.

Berdasarkan pola yang ada, timbul pertanyaan apakah pendekatan terbaik untuk mendekati dikotomi antara ulama dan profesional atau melahirkan insan sepuban adu. Kategori pertama hanya berjaya menyelesaikan tuntutan fardhu ain dan ia sangat penting untuk dijadikan asas untuk membina insan yang bersepadu. Walau bagaimanapun, ia tidak berupaya untuk melahirkan insan bersepadu sebagaimana yang dikehendaki oleh Falsafah YIK sehingga pelajar berkenaan menyempurnakannya di tempat yang lain. MTAQ dilihat lebih berpotensi untuk melahirkan insan bersepadu. Pelajar any diajar ilmu fardhu ain malahan dibekalkan dengan ilmu pengajian agama dan dimantapkan lagi dengan hafazan al-Quran serta qiraat. Pelajar juga dipersiapkan dengan ilmu sains moden untuk membolehkan mereka menjadi seorang professional yang menghayati agama. Konsep kesepaduan lebih menonjol di MTS di mana pelajaranya dipersiapkan dengan ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah (pengajian penkhususan agama, Bahasa Arab, matapelajaran KBSM dan hafazan al-Quran). Dari matlamatnya dapat diperhatikan secara jelas bagaimana MTS berhasrat untuk menyepadukan ilmu syarie dan ilmu waqie. MTAQ dan MTS ingin melahirkan para huffaz. Walau bagaimanapun, penekanannya berbeza di mana MTAQ berorientasikan ulama hafiz yang professional dan MTS berorientasikan professional hafiz yang menghayati agama.

Walaupun bagaimanapun pelaksanaan konsep kesepaduan disifatkan masih lemah kerana ketiadaan model yang jelas dan ketiadaan guru yang berwibawa. Konsep kesepaduan yang dilaksanakan di MTS sangat berat dan mencabar kemampuan pelajar. Pelajar diminta untuk mempelajari komponen agama dan ilmu waqie secara serentak dalam satu sesi persekolahan. Di samping itu, pelajar juga diwajibkan untuk menghafaz al-Quran. Akibat daripada sistem ini, waktu pembelajaran pelajar menjadi terlampau padat. Dengan menggunakan tiga sistem pelajaran (13 mata pelajaran agama, 9 mata pelajaran KBSM dan hafazan sejumlah juzuk), pelajar perlu belajar selama 12 jam bermula dari jam 7.30 pagi sehingga 5.30 petang dan bersambung dari jam 8.30 malam sehingga 10.30 malam (termasuk kelas tambahan dan ulangan bagi mereka yang ketinggalan aspek hafazan). Bagi memenuhi semua keperluan pelajaran, waktu P&P bagi setiap pelajaran telah dikurangkan kepada 30 minit berbanding dengan 45 minit bagi sekolah biasa. Demikian juga isu kekurangan tenaga pengajar atau akademik yang berkelayakan dan tidak terlatih (tidak mempunyai pengalaman dan tiada sijil asas perguruan) menjadi halangan yang besar untuk melaksanakan konsep pendidikan bersepadu. Guru yang hanya terdedah kepada satu aliran sama ada aliran agama (yang dikenali sebagai ustaz) dan guru aliran akademi (yang dikenali sebagai guru) kurang berupaya untuk menghubungkan kedua-dua komponen tersebut dengan baik. Malahan

subjek baru yang dikatakan berorientasikan kesepaduan iaitu *Tafsir al-Quran al-Karim lilqismi al-Ilmi* diajar oleh guru yang tidak bersepadu. Mereka yang memahami tafsir dengan baik tetapi tidak terdedah dengan ilmu sains pada tahap yang sesuai. Walaupun sistem ini secara zahirnya menawarkan gabungan ilmu naqli dan aqli, namun salah satu daripadanya dilihat lebih dominan dan berpetak-petak. Konsep kesepaduan di MTS kelihatan merujuk kepada penawaran mata pelajaran diniyyah (agama) dan mata pelajaran akademik secara selari. Para pelajar MTS menghafaz al-Quran tetapi ia tidak disepadukan dengan mata pelajaran lain seperti sains, matematik dan lain-lain secara jelas dan sistematik. Pengajaran mata pelajaran akademik pula tidak berpaksikan prinsip tauhid. Manakala mata pelajaran agama pula tidak berhubung dengan realiti semasa. Keadaan yang sama berlaku di MTAQ bahkan lebih minimum tahap kesepaduannya. Laporan juga menyatakan bahawa ramai pelajar MTAQ lebih berkecenderungan untuk menjadi profesional berbanding menjadi ulama atau mereka yang membuat pengkhususan dalam bidang agama. Isu bahasa.

Mendepani situasi tersebut, apakah model yang ada mampu menangani krisis dualisme atau mendekati golongan ulama dan profesional? Ada pernyataan harapan yang disandarkan kepada pelajar agar berlaku kesepaduan pada diri mereka dan sebahagiannya akan kembali berkhidmat di sekolah. Bolehkah harapan disandarkan secara longgar kepada pelajar-pelajar yang berada di luar lingkungan kawalan mereka? Harapan boleh diberikan tetapi jawapan tentunya tidak pasti. Kesepaduan di peringkat tinggi khususnya di peringkat pengajian tinggi adalah jauh lebih sukar dari peringkat sebelumnya. Ini kerana ketidakneutralan ilmu di peringkat IPT adalah kompleks dan rumit. Apa jaminan pelajar akan mampu melaksanakannya kemudian tanpa bantuan guru dan pembimbing. Ini bermakna Kerajaan Negeri perlu mempunyai dasar dan perancangan yang lebih jelas untuk melaksanakan konsep pendidikan bersepadu di semua peringkat pendidikan bermula dari tahap pra-sekolah sehinggalah ke IPT. Falsafah dan Dasar Pendidikan yang sedia ada belum bersedia atau mampu untuk memandu institusi pendidikan di bawah kawalan negeri untuk mencapai falsafah yang dinyatakan.

Rumusan

Melahirkan para huffaz adalah fardhu kifayah. Pelaksanaan tuntutan ini sewajarnya dikepalai oleh pihak pemerintah secara terancang dan sistematik. Pihak pemerintah seharusnya mempunyai dasar, falsafah dan halatuju yang jelas tentang pendidikan termasuklah institusi tahfiz. Masyarakat memerlukan dua jenis tahfiz. Pertama, institusi yang bersifat eksklusif, selektif dan pengkhususan untuk melahirkan para ulama huffaz dan profesional huffaz yang bersepadu, menghayati agama, berkeupayaan untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan memimpin Negara berdasarkan acuan Islam. Masyarakat juga memerlukan institusi tahfiz yang bersifat inklusif, terbuka dan bercirikan pembinaan watak serta keperibadian mulia untuk memberi peluang kepada semua pelajar yang berminat termasuklah mereka mempunyai permasalahan akhlak. Kerajaan perlu menyokong, membantu dan menyelaraskan kedua-dua kategori ini agar mencapai matlamatnya masing-masing.

Walau bagaimanapun, semua maahad tahfiz di Kelantan disaran untuk menyemak kembali saranan Persidangan Pendidikan Islam Sedunia Kali Pertama di Mekah (1977) di mana seluruh negara Islam digesa agar melaksanakan konsep pendidikan bersepadu untuk menghapuskan sistem pendidikan umat Islam yang masih bersifat dualis dan sekular. Umat Islam perlu keluar dari sistem pendidikan yang meneruskan dikotomi antara ilmu agama/naqli dan ilmu sains moden/aqli. Justeru, kefahaman mengenai konsep hierarki ilmu sangat penting untuk meletakkan sistem pendidikan pada landasan yang tepat. Tidak semua pelajar perlu menjadi hafiz tetapi kita memerlukan sejumlah para huffaz yang dianggap mencukupi dalam sesebuah kawasan atau tempat yang berperanan sebagai sebagai tempat rujukan untuk menjaga keaslian al-Quran. Walau bagaimanapun Islam menuntut semua umatnya menjadi insan salih yang seimbang, sepadu dan menyeluruh. Justeru, konsep pendidikan bersepadu adalah sesuatu yang sangat asas dan diperlukan di semua peringkat pengajian termasuklah di maahad tahfiz. Hasil sebenar dan terakhir dari agenda pendidikan bersepadu ialah pada orangnya. Orang yang dimaksudkan itu seharusnya individu yang berilmu, mempunyai pandangan hidup yang jelas terhadap Islam, komited beramal dengannya secara konsisten dan meletakkan Islam sebagai matlamat dan wadah perjuangan dalam kehidupannya. Moga Islam kembali berdaulat dan menjadi suatu sistem yang diamalkan sepenuhnya oleh umat Islam.

Bibliografi

Al-Quran al-Karim

- Abd. al-Latif Fayizdaryan. (1999). *al-Tabyin fi Ahkam Tilawat al-Kitab al-Mubin*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Abdul Hafiz bin Haji Abdullah (Ketua Penyelidik). (2003). *Penyelidikan Jangka Pendek: Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz*. Skudai: Research Management Centre Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Mutalib bin Hussain. (2003). *Pengajian Tahfiz al-Quran: Satu Kajian diMa'ahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulau Pinang*. Fakulti UsuluddinAkademi Islam UM KL: Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda.
- Abu Najihat al-Hafiz. (2001). *Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qari'ah*. Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- Abu Shabah, Muhammad bin Muhammad. (1992). *al-Madkhal li Dirasat al-Quran al-Karim*. Bayrut: Dar al-Jayl.
- Afaf Abdul Ghafor Hameed. Dr., Adel M. Abdulaziz. Dr., Mohamed Abdullahi Nur.Dr., Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2003). *Isu Semasa Pengajian: Quran Dan Sunnah*. Siri 1, Sidang Editorial, KUIIM: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.
- al-Ahwany, Ahmad Fuad. (1983). *al-Tarbiyah Fi al-Islam*. Qaherah: Dar al-Ma'arif al-Halaby.
- al-Sharbini, Ibrahim Abd. al-Mu'an. (1995). *Qasd al-Sabil Ila al-Jinan Bi Bayan Kaifa Tahfaz al-Quran*. Mansurah: Maktabat al-Iman.
- al-Zarkashi, Muhammad bin cAbdillah. (1981). *al-Burhan fi cUlum al-Qur'an*. Juz. 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillah al-Zarkasyi di dalam bukunya *al-Burhan fil Ulum al-Quran*

- al-Zarqani, Muhaammad Abd. Azim. (1988). *Manahil al-Irfan Fi Ulum al-Quran*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Badarudin Taroji. (1998). *Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Mengenai Sistem Pentadbiran Dan Sistem Pembelajarannya, Tinjauan Khusus Di Lembah Klang*. Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM, KL: Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda.
- Fatin Faqeriah bt. Hamsah et al. (2003). *Kaedah Hafazan al-Quran dan Keberkesanannya di Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu*. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS), UTM, Skuda.
- Fauziah Mohd Noor. (1993). *Penghafalan al-Quran Di kalangan Wanita: Satu Kajian diMaahad Tahfiz, Pusat Islam*. Fakulti Usuluddin Akademi Islam UM KL: Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda.
- Kamsaton bt. Simon et al. (2005). *Kepentingan Pengajian Tahfiz al-Quran Terhadap Masyarakat Pada Masa Kini*. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS), UTM, Skudai.
- Mohd Fazri Ahmad Murad. (1999). *Metode-Metode Penghafalan al-Quran : Kajian Khusus di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Negeri Sembilan, Maahad Ahmadi, Gemenceh, Negeri Sembilan*. Universiti Malaya: Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda.
- Mohd Yusof Ahmad. (2000). *Sejarah & Kaedah Pendidikan al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Wan Mohamad B. Abd. Aziz, Hj. (1997). *Pengurusan Maahad Tahfiz al-Quran: Pengalaman Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. Jurnal Darul Quran, Bil. Ketiga.